



TEKS UCAPAN

**TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**SEMPENA MAJLIS
TAKLIMAT PELAN ANTI RASUAH
NASIONAL (NACP) 2019 – 2023 DAN
IKRAR BEBAS RASUAH**

**PADA 03 MEI 2019 (JUMAAT)
DI BILIK GUNASAMA, KOMPLEKS DEWAN
UNDANGAN NEGERI PERLIS**

Bismillahirrahmanirrahim
Terima Kasih Diucapkan kepada Pengacara
Majlis

Yang Berusaha, Ketua Penolong Pesuruhjaya
Kanan, Tuan Mohamad bin Ahmad @ Puteh,
Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan
Integriti Agensi (BPIA), SPRM selaku
penceramah yang akan menyampaikan
taklimat pada hari ini.

Yang Berusaha Tuan Mohd Syukor bin
Mahmud, Pengarah SPRM Negeri Perlis.

Yang Dihormati Yang Amat Arif Tuan Haji
Othman bin Ibrahim, Ketua Hakim Syarie
Negeri Perlis.

Yang Dihormati Tuan Mohd Zamri bin Mat
Zanu, Timbalan Ketua Polis Perlis.

Seterusnya barisan urusetia, Tuan-tuan dan
Puan-puan yang dikasihi sekalian.

antirasuah di organisasi masing-masing yang mana akan melibatkan kita semua.

Secara amnya taklimat ini bertujuan memberi penjelasan berkaitan Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional yang telah digariskan di dalam Arahan Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 berkenaan Pemantapan Governans, Integriti dan Anti Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Arahan ini bertujuan mendukung usaha pemantapan tadbir urus, Integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan melalui pelaksanaan NACP. Matlamat utamanya adalah memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Justeru itu, setiap jabatan dan agensi selepas ini perlulah menerima pakai dan berpandukan NACP sebagaimana yang telah ditetapkan untuk mewujudkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) di jabatan dan agensi masing-masing.

Saya difahamkan bahawa Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GAICC) telah dan sedang mengadakan Bengkel *Traning Of Trainer* serta taklimat kepada beberapa negeri, kementerian dan jabatan. Dan, Alhamdulillah, pada hari ini kita semua berkesempatan mendengar taklimat ini. Dan pada hari ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Perlis kerana membuka booth pameran pada pagi ini.

Saya berharap semoga pendedahan serta penumpuan terhadap peranan yang sewajarnya dimainkan oleh Ketua - Ketua Jabatan, Pegawai - Pegawai Atasan, Unit Integriti, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, di agensi dan bahagian masing-masing dapat dilaksanakan dengan telus dan efisien.

Selain itu, saya juga percaya Tuan-Tuan dan Puan-Puan pernah mendengar atau terbaca di dada-dada akhbar ataupun di media-media elektronik dan sebagainya berkaitan NACP, dan pelancarannya telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 di Pusat konvenyen Antarabangsa (PICC) di Putrajaya dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Saya berharap selepas tuan-tuan pulang dari mendengar taklimat pada hari ini, tuan-tuan dapat menyusun dan merancang strategi untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) di agensi masing-masing dengan tekad yang jitu bahawa OACP akan diwujudkan dan dilaksanakan dengan jayanya.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Unit Pengurusan Korporat dan Integriti serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perlis di atas penganjuran program taklimat ini bersama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM. Terima Kasih juga kepada para hadirin sekalian kerana telah memberi sepenuh kerjasama untuk hadir bagi sama-sama mendengar taklimat yang akan disampaikan sebentar lagi.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.